



JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

KENYATAAN MEDIA (25 JULAI 2020)

1. LAPORAN HARIAN

Hari ini **Iapan (8)** kes positif COVID-19 dilaporkan. Kes tersebut adalah di Daerah Kuching empat (4) dan Daerah Samarahan empat (4). Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak setakat hari ini sebanyak **649** kes.

A. Kes Saringan Rawak Pelawat Di Pintu Masuk Antarabangsa (1 kes)

Pada hari ini terdapat **satu (1)** kes melibatkan seorang lelaki tempatan yang balik dari Kuala Lumpur menaiki pesawat pada 14 Julai 2020 melalui pintu masuk antarabangsa KIA Kuching. Beliau telah disaring secara rawak pada hari Ke-10 setelah ketibaan dan ujian saringan rT-PCR beliau pada 24 Julai 2020 adalah positif COVID-19. Beliau tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala.

B. Kes Saringan di Tapak Pembinaan (1 kes).

Satu (1) kes telah dikesan melalui saringan tapak pembinaan di Kuching. Kes merupakan warganegara tempatan yang telah menjalani saringan aktif pada 24 Julai 2020 dan ujian rT-PCR beliau telah didapati positif COVID-19 pada hari ini 25 Julai 2020. Punca jangkitan dan pengesanan kontak rapat kes masih dijalankan.

C. Kes Pengesanan Kontak kepada kes Positif COVID-19 (1 kes)

Satu (1) kes telah dikesan melalui saringan kontak rapat kepada kes positif yang telah dikenal pasti iaitu kontak rapat kepada kes Ke-578 yang telah dikesan pada 12 Julai 2020. Kes baru ini juga seorang lelaki warganegara tempatan yang telah menjalani saringan kedua (ke-13) pada 24 Julai 2020 dan ujian rT-PCR beliau didapati positif pada hari ini. Ujian saringan pertama kes yang telah dijalankan pada 12 Julai adalah negatif COVID-19. Kes juga tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala.

D. Kes Pengesanan Kontak dari Kluster Yang Masih Aktif (5 kes)

Pada hari ini terdapat **Lima (5)** kes baru yang dilaporkan melibatkan pengesanan kontak dari kluster yang masih aktif.

Satu (1) kes merupakan seorang lelaki warganegara tempatan yang mempunyai kontak rapat kepada kes Ke-575, iaitu indek kes kepada Kluster Syarikat Kejuruteraan. Saringan ujian rT-PCR pertama telah dijalankan pada 14 Julai 2020 dan didapati negatif. Kes kemudian telah menjalani saringan kedua pada hari ke-13 pada 23 Julai 2020 dan ujian rT-PCR beliau didapati positif pada hari ini. Kes juga tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala.

Empat (4) kes telah dikesan melalui saringan aktif ke atas semua kontak di dalam Kluster Sentosa. Mereka ini adalah terdiri daripada **dua (2)** orang petugas kesihatan di fasiliti tersebut, **seorang (1)** pekerja syarikat swasta di fasiliti tersebut dan **seorang (1)** ahli keluarga kepada salah seorang kes yang telah dikenal pasti sebagai kes positif COVID-19 iaitu kes Ke-617 yang telah disaring pada 22 Julai 2020. Kesemua kes-kes ini tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala.

E. Kluster COVID-19 baharu.

Pada hari ini, **satu (1)** kluster baharu telah dikesan iaitu Kluster Syarikat Pembinaan Kuching. Kluster ini dikesan apabila seorang kontak rapat kepada Kes-578 iaitu seorang pekerja di sebuah syarikat pembinaan di Kuching telah didapati positif COVID-19 pada hari ini. Setakat hari ini, seramai lima (5) kontak keluarga indek kes telah disaring dan semua mereka didapati negatif COVID-19. Seramai 72 kontak tempat kerja telah disaring dan setakat hari ini hanya satu (1) kes baru telah didapati positif COVID-19. Punya jangkitan kluster ini dan pengesahan kontak-kontak lain masih dijalankan.

F. Kluster COVID-19 yang masih aktif.

Hari ini terdapat penambahan **empat (4)** kes baharu kepada Kluster Sentosa menjadikan jumlah di dalam kluster ini adalah seramai 20 orang dan penambahan **satu (1)** kes baharu kepada Kluster Syarikat Kejuruteraan menjadikan jumlah di dalam kluster ini adalah seramai empat (4) orang Lain-lain kluster, tiada penambahan kes dikesan atau dilaporkan. **Satu (1)** kluster baharu iaitu Kluster Syarikat Pembinaan Kuching yang melibatkan dua (2) kes.

Setakat hari ini, terdapat **sembilan (9)** kluster yang masih aktif iaitu

- a) Kluster Syarikat Kejuruteraaan: **penambahan satu (1) kes menjadikan jumlah empat (4) kes**
- b) Kluster Mambong: **kekal lima (5) kes**
- c) Kluster Pusat Perubatan: **kekal tiga (3) kes**
- d) Kluster Jupiter: **kekal tiga (3) kes**
- e) Kluster Pasar Stutong: **kekal tujuh (7) kes**
- f) Kluster Jeti Kuching: **kekal dua (2) kes**
- g) Kluster Sentosa: **penambahan empat (4) kes menjadikan jumlah 20 kes**
- h) Kluster PUI Melburne: **kekal dua (2) kes**
- i) Kluster Syarikat Pembinaan Kuching: **dua (2) kes (Kluster baharu)**

Dimaklumkan juga **lima (5)** kes baru yang telah sembah dan discaj dari Hospital Umum Sarawak hari ini. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah sembah dan discaj kekal sebanyak **561** orang atau **86.44%**.

Seramai **70 orang** masih menerima rawatan dalam wad isolasi hospital dan jumlah kematian kekal **18 orang atau 2.77%**.

Hari ini sebanyak **18 PUI** baru dilaporkan dan **13 kes** masih menunggu ujian makmal.

2. KEPUTUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak ingin memaklumkan orang ramai bahawa pada hari ini Daerah Kuching masih berstatus Kuning setelah merekodkan hanya **39 kes** jangkitan tempatan dalam tempoh 14 hari yang lepas. Ini menjadi jumlah daerah di Sarawak berstatus kuning adalah kekal sebanyak tiga (3) buah iaitu Daerah Kuching, Daerah Samarahan dan Bau dan yang berwarna hijau kekal sejumlah 37 buah daerah.

Untuk makluman juga, JPBN telah mengusahakan langkah-langkah yang akan dicadangkan dan dilaksanakan sebagai persediaan jika Daerah Kuching bertukar menjadi zon merah. Keadaan tren terkini masih dinilai dan dipantau setiap hari oleh semua agensi dan jabatan yang terlibat dalam JPBN. Langkah-langkah seterusnya akan diumumkan pada waktunya.

Selain itu, tindakan mempertingkatkan penjejakan kontak sedang giat dijalankan, JPBN mendesak orang ramai untuk bersabar dan tidak mempolitikkan perkara tersebut dan menimbulkan kepanikan masyarakat.

Pengumuman langkah-langkah selanjutnya yang akan diambil akan diumumkan pada waktunya dan diharap orang ramai sentiasa mematuhi Garis Panduan (SOP) yang telah disarankan. Terima kasih kepada semua pihak di atas kerjasama yang telah diberikan.

3. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (10 JUN HINGGA 31 OGOS 2020)

Hari ini sebanyak **2,106 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (371), Restoran (400), Kilang (18), Bank (183), Pejabat Kerajaan (147), Penjaja (45), Pasar Tani/Awam (77), Tempat Ibadah (111), Tempat Riadah (71), Tapak Pembinaan (20) dan lain-lain (663).

Seramai **712 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (375), ATM (47), RELA (149), APM (98), PBT (26), KKM (5) dan Lain-lain agensi (12).

3. LAPORAN NOTIS KOMPAUN

Pihak PDRM telah mengeluarkan sebanyak **37 notis** kompaun kerana tidak mematuhi Garis Panduan (SOP) iaitu di Miri (19), Kuching (14), Simunjan (2), Lawas (1) dan Sarikei (1).

4. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG

Hari ini terdapat **6 sekatan jalan raya** di 5 buah daerah bersempena dengan Op Benteng iaitu di Lundu (2), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Daripada 6 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **1,345** jumlah kenderaan telah diperiksa.

5. NASIHAT KEPADA ORANG RAMAI

Orang ramai adalah dinasihatkan agar tidak leka dan terus kekal waspada. Pastikan saranan dan nasihat-nasihat kesihatan diamalkan pada setiap masa. Antara nasihat yang sewajarnya dijadikan satu kebiasaan baharu dalam kehidupan harian dengan mengamalkan **SOP**:

S: Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP);

O: Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;

P: Penjarakan sosial (*social distancing*) diamalkan pada setiap masa iaitu sekurang-kurangnya 1 meter.

Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives

Jaga Sarawak Intu Sarawak

SEKRETARIAT

JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

25 JULAI 2020

7.30 PETANG

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Kes Terdahulu	641	Kes sedang dirawat di hospital	70	10.79%
Kes Baharu	8	Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0.00%
Jumlah Individu Disampel	63,497	Kes yang memerlukan bantuan pernafasan (<i>intubated</i>)	0	0.00%
Kes Positif Keseluruhan	649	Jumlah kes kematian	18	2.77%
IR per 100,000 penduduk	21.04	Kes telah sembuh dan discaj	561	86.44%
Keputusan Makmal (PUI)	Baru	Kumulatif	Baru	Kumulatif
Negatif	2	<i>Patient Under Investigation (PUI)</i>	18	8,889
Menunggu keputusan	10			

Status Semasa		SGH Kuching	Hospital Sibu	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	JUMLAH
Kes sedang dirawat di hospital	65	0	4	0	1	70	
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0	0	0	0	0	
Kes yang memerlukan bantuan pernafasan (<i>Intubated</i>)	0	0	0	0	0	0	
Jumlah kes kematian	16	0	0	2	0	18	
Kes telah sembuh dan discaj	Baru	5	0	0	0	0	5
	Kumulatif	474	33	23	31	0	561
Jumlah Kumulatif kemasukan semula ke hospital (<i>Re-tested Positive</i>)	9	8	2	0	0	19	

DAERAH KUNING (3)											
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah Kes Aktif	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.		
1	Kuching	5	5,769	4	396	5	334	0	11	51	51
2	Bau	1	161	0	6	0	5	0	0	1	1
3	Samarahan	5	539	4	111	0	94	0	4	13	13
Jumlah		11	6469	8	513	5	433	0	15	65	65

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

DAERAH HIJAU (37)											
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah Kes Aktif	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.		
1	Bintulu	0	270	0	27	0	23	0	0	4	4
2	Sibu	0	104	0	9	0	9	0	0	0	0
3	Simunjan	0	58	0	8	0	8	0	0	0	0
4	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0
5	Serian	0	297	0	21	0	21	0	0	0	0
6	Tebedu	0	6	0	3	0	3	0	0	0	0
7	Lundu	0	240	0	2	0	1	0	0	1	1
8	Limbang	0	29	0	9	0	8	0	1	0	0
9	Miri	7	804	0	23	0	22	0	1	0	0
10	Asajaya	0	40	0	5	0	5	0	0	0	0
11	Sri Aman	0	46	0	3	0	2	0	1	0	0
12	Betong	0	184	0	16	0	16	0	0	0	0
13	Lawas	0	13	0	1	0	1	0	0	0	0
14	Mukah	0	39	0	1	0	1	0	0	0	0
15	Matu	0	5	0	1	0	1	0	0	0	0
16	Sarikei	0	91	0	6	0	6	0	0	0	0
17	Saratok	0	23	0	0	0	0	0	0	0	0
18	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0
19	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Lubok Antu	0	20	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Meradong	0	34	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Tatau	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0
29	Daro	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Kapit	0	29	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Song	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Marudi	0	12	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
37	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah		7	2,420	0	136	0	128	0	3	5	5
Jumlah Besar											
18 8,889 8 649 5 561 0 18 70											

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

Bil.	Kluster		Kes Baru	Kumulatif Kes	Tarikh Tamat		
1	Kluster Kuching Conference		0	191	22 June, 2020		
2	Kluster Seri Petaling		0	115	10 June, 2020		
2a	Sub-Kluster Kuching dan Samarahan (BDC dan Desa Ilmu)	41	Sub-kluster dan kes kes sporadik dari Kluster Besar Seri Petaling	3 June, 2020 15 May, 2020 10 June, 2020 12 May, 2020 26 May, 2020 12 May, 2020 3 June, 2020 3 June, 2020 15 May, 2020 2 May, 2020	3 June, 2020		
2b	Sub-Kluster Debak, Betong	10			15 May, 2020		
2c	Sub-Kluster Sibu	4			10 June, 2020		
2d	Sub-Kluster Bintulu	2			12 May, 2020		
2e	Sub-Kluster Limbang	7			26 May, 2020		
2f	Sub-Kluster Kecil Kuching	7			12 May, 2020		
2g	Sub-Kluster Kecil Samarahan	10			3 June, 2020		
2h	Sub-Kluster Kecil Serian	3			3 June, 2020		
2i	Sporadik				15 May, 2020		
	i) Betong	6			2 May, 2020		
	ii) Samarahan	1			6 June, 2020		
	iii) Serian	1			12 May, 2020		
	iv) Kuching	9			18 April, 2020		
	v) Bintulu	2			24 May, 2020		
	vi) Miri	8			13 April, 2020		
	vii) Mukah	2			26 May, 2020		
	viii) Limbang	2					
3	Kluster PUI Itali		0	65	30 May, 2020		
4	Kluster Petugas Kesihatan Kuching		0	68	6 June, 2020		
5	Kluster Kidurong		0	8	19 July, 2020		
6	Kluster Tapak Pembinaan Kuching		0	3	22 July, 2020		
7	Kluster Syarikat Kejuruteraan Kuching		1	4	Active		
8	Kluster Mambong		0	5	Active		
9	Kluster Jupiter		0	3	Active		
10	Kluster Pusat Perubatan Kuching		0	3	Active		
11	Kluster Pasar Stutong		0	7	Active		
12	Kluster Jeti		0	2	Active		
13	Kluster Sentosa		4	20	Active		
14	Kluster PUI Melbourne		0	2	Active		
15	Kluster Syarikat Pembinaan Kuching		1	2			
16	Kluster-kluster kecil		0	63	-		
17	Sporadik kes		0	53	-		
18	Kes import dari luar negara		0	33	-		
19	Masih dalam siasatan dan kes baru		2	2	-		
Jumlah			8	649			

Bil.	Kluster	Kes Baru	Kumulatif Kes	Tarikh Diisytiharkan	Tarikh Kes Terakhir Dilaporkan	Status	Tarikh Dijangka Tamat
1	Kluster Syarikat Kejuruteraan Kuching	1	4	18 July, 2020	25 July, 2020	Active	22 August, 2020
2	Kluster Mambong	0	5	15 July, 2020	17 July, 2020	Active	14 August, 2020
3	Kluster Jupiter	0	3	17 July, 2020	16 July, 2020	Active	13 August, 2020
4	Kluster Pusat Perubatan Kuching	0	3	17 July, 2020	16 July, 2020	Active	18 August, 2020
5	Kluster Pasar Stutong	0	7	18 July, 2020	23 July, 2020	Active	20 August, 2020
6	Kluster Jeti	0	2	19 July, 2020	18 July, 2020	Active	15 August, 2020
7	Kluster Sentosa	4	20	21 July, 2020	25 July, 2020	Active	22 August, 2020
8	Kluster PUI Melbourne	0	2	22 July, 2020	22 July, 2020	Active	19 August, 2020
9	Kluster Syarikat Pembinaan Kuching	1	2	25 July, 2020	25 July, 2020	Active	20 August, 2020

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Pada hari ini, seramai **72 Person Under Surveillance** (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **11 buah hotel** adalah seramai **570 orang**.

Manakala seramai **19,114 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 25.07.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching (336)	Harbour View	135
2		Riverside (Astana Wing)	162
3		Hock Lee	39
4	Miri (87)	Eastwood Valley	42
5		Meritz	45
6	Bintulu (43)	Wasan Inn	23
7		Motel Kapok	18
8		Faber Inn	2
9	Limbang (18)	Purnama	14
10		Mandarin (Lawas)	4
11	Sibu (86)	Premier	86
Jumlah PUS			570

3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)

Pada hari ini, sebanyak **4 lokasi (Sibu)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **1,405 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 25.07.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	LOKASI
1	Kuching	442
2	Miri	246
3	Bintulu	110
4	Samarahan	106
5	Sibu	102
6	Sarikei	99
7	Limbang	75
8	Betong	48
9	Serian	47
10	Mukah	45
11	Sri Aman	44
12	Kapit	41
Jumlah		1,405

4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK

Pada hari ini, sebanyak **43 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 25.07.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	LOKASI
1	MP Padawan	3
2	MD Serian	3
3	MD Bau	1
4	MD Sri Aman	6
5	MP Sibu	10
6	MD Dalat & Mukah	3
7	MB Miri	4
8	MD Marudi	5
9	MD Subis	6
10	MD Lawas	2
Jumlah		43